

PENGARUH HUKUM KANUN PAHANG TERHADAP RAJA DAN PEMERINTAHANNYA

Nurliana Suhaini¹, Aimi Khairunnisa Abdul Karim¹, Abd Aziz A'zmi¹, Farrah Wahida Mustafar¹ dan Norizan Mohd Noh²

¹Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

²Fakulti Kejururawatan dan Sains Kesihatan, Kolej Universiti Islam Melaka
nurliana@kuim.edu.my

ABSTRAK

Kewujudan manuskrip undang-undang atau Hukum Kanun Pahang ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada kita bahawa raja-raja Melayu yang cuba mengamalkan keadilan dalam pemerintahan. Konsep keadilan undang-undang Melayu semakin diperkukuhkan lagi dengan penerapan nilai-nilai keadilan pemerintahan dalam agama Islam. Undang-undang adalah bertujuan untuk memudahkan pentadbiran yang hendak dijalankan dalam setiap organisasi tertentu. Rakyat yang cuba melanggar atau mengancam kedudukan raja akan dituduh sebagai penderhaka dan dibakal menerima hukuman yang berat. Walaupun terdapat sesetengah hukuman dikenakan mempunyai unsur kekerasan namun sebenarnya sengaja digubal sebagai cara untuk menghalang daripada kedudukan raja itu digugat oleh rakyat. Jika masih ada rakyat yang melanggar peraturan melakukan kesalahan dan menentang raja mereka perlu bersiap sedia dengan segala hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka. Jelas juga bahawa kukuhnya agama Islam tersebut maka tidak dapat lagi disangkal bahawa pengaruh Sultan amat besar dalam hukum kanun ini sebagai ketua dalam kerajaan. Natiujahnya undang-undang ini sengaja dicipta supaya kelihatan amat kejam untuk menakutkan rakyat tentang keperitan dan kesengsaraan sehingga ke saat kematian sekiranya dikenakan hukuman ini. Oleh itu dengan berkembangnya konsep “daulat” ataupun dipercayai oleh rakyat akan keistimewaan, kehebatan, kerohanian luar biasa seorang Raja maka rakyat menjadi patuh dan taat kepada segala suruhan dan hukum undang-undang yang telah dilaksanakan. Dengan kemurnian tersebut keadaan negeri menjadi aman dan makmur, perdagangan berkembang pesat, tanaman hidup subur juga rakyat bertambah ramai lantas raja dianggap berjaya dalam merealisasikan Hukum Kanun Pahang tersebut.

Kata Kunci: Hukum Kanun Pahang, Kedaulatan Pemerintah, Kesetiaan Rakyat

The Influence of "Hukum Kanun Pahang" Towards The King and his Government

ABSTRACT

The existence of the manuscript law or Hukum Kanun Pahang aims to bring awareness to us that the Malay rulers who try to practice justice in the government. The concept of Malay justice increasingly reinforced by the application of the values of justice administration in Islam. The law is intended to facilitate the administration that is to be carried out in each particular organization. People who try to violate or threaten the king's position will be charged with treason and will be subject to severe punishment. Although there are some punishments for having elements of violence, they are actually intended as a way to prevent the king from being sued by the people. If there are still people who break the rules of the crime and oppose the king, they will have to be prepared for all the punishments imposed on them. It is also clear that the religion of Islam is so strong that it cannot be denied that the King's influence was so great in the law of this canon as the head of government. Unfortunately, this law was created to look so cruel to scare the people of pain and suffering to the point of death if this sentence is imposed. Thus, with the development of the concept of "sovereign" or the people believed in the special privileges, powers, spirituality of a King, the people became obedient and follow to all the laws and regulations. With the purity of the state peaceful and prosperous, the trade flourished, the livelihoods of the people increased and the king was considered successful in realizing the laws of the Pahang Code.

Keywords : *The Laws of the Pahang Code, the Rule of Government, the Loyalty of the People*

PENGENALAN

Hukum Kanun Pahang merupakan satu-satunya dokumen undang-undang yang digunakan di negeri Pahang. Didapati seawal 1947 telah terdapat cacatan yang dibuat oleh dua orang pengkaji barat iaitu John E. Kempe dan Richard O. Winstedt. Mereka berjaya menghasilkan catatannya dengan mendapatkan naskhah-naskhah yang terdapat di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London.¹ Selain beliau seorang lagi pegawai Inggeris di Tanah Melayu R. W. Jakeman, turut menjumpai sebuah lagi manuskrip Hukum Kanun Pahang. Manuskrip ini juga adalah koleksi dokumen kepunyaan Swettenham lantas ia sangat penting kerana mempunyai sejarahnya yang tersendiri berdasarkan cacatan nama ringkas Hugh Clifford pada kulit manuskrip tersebut.² Selanjutnya terdapat juga kajian secara kecil-kecilan

¹ Yaakub Isa, 2003, *Hukum Kanun Pahang*, Pekan : Lembaga Muzium Negeri Pahang, hlm., xi.

² *Ibid.*, Hubungan Clifford dengan negeri Pahang memang cukup rapat kerana selain menjadi Residen Inggeris, beliau turut menangani beberapa peristiwa yang melibatkan penentangan wira – wira Pahang termasuk campur tangan Inggeris di Pahang.

yang dibuat oleh intelektual anak negeri yang berpusat di Universiti Malaya. Antara yang terkenal adalah Prof. Dato' Dr. Abu Hassan Sham.³

Berdasarkan Hukum Kanun Pahang ini didapati telah wujud satu bentuk pemerintahan dan pentadbiran yang lengkap. Pemerintahan Raja berkuasa mutlak yang diketuai oleh seorang raja atau sultan yang merupakan kemuncak kepada kuasa pentadbiran negeri Melayu. Oleh itu dalam kerajaan Melayu sentiasa diberikan gambaran atau dikatakan :

“...rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon, jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri, demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.”⁴

Selain itu, sebagai pemerintah yang tertinggi, raja atau Sultan dibaluti dengan konsep Daulat. Dalam konsep ini raja bukan sahaja dilihat mempunyai kuasa mutlak ke atas rakyat dan negerinya, tetapi juga institusi itu dilengkapi dengan perkara-perkara lain yang dianggap dan dijadikan sangat istimewa dan hanya boleh dipakai atau dikaitkan dengan seseorang raja yang memerintah kerajaan tersebut sahaja. Berdasarkan keistimewaan raja tersebut dapatlah dibuktikan kesahihan pengaruh besar raja dan pemerintah tersebut berdasarkan isi kandungan penting dalam Hukum Kanun Pahang. Antaranya adalah berkaitan Adat Istiadat yang diamalkan di dalam negeri terutama berkaitan adat terhadap raja juga pembesar yang merupakan kuasa terpenting dalam negeri ketika itu. Beberapa perkara yang diambil perhatian seperti larangan kekuningan, penentuan Bahasa, tugas pembesar, tanggungjawab raja, hukuman derhaka terhadap raja dan lain-lain.

PENGARUH HUKUM KANUN PAHANG TERHADAP RAJA DAN PEMERINTAHANNYA

Dalam Hukum Kanun Pahang ini perkara pertama yang disentuh semestinya berkaitan tanggungjawab raja. Dinyatakan bahawa, Raja perlu berpegang kepada adat yang telah dimaktubkan. Seterusnya raja perlu memanfaatkan negerinya juga memelihara segala rakyat yang ada. Fasal yang pertama dalam hukum ini membicarakan tentang adat majlis Raja dan adat pakaian juga kurnia yang diberikan kepada orang-orang besar. Dalam fasal ini rakyat dilarang keras untuk memakai warna yang melambangkan kebesaran raja iaitu warna kuning. Larangan ini juga diberikan kepada orang-orang besar yang tidak diberikan sebarang anugerah, jika masih mengingkari arahan ini maka tindakan hukuman bunuh akan dilaksanakan. Selain itu larangan pemakaian kuning ini juga termaktub sekiranya datang menghadap raja di istana tanpa sebarang anugerah. Jika ingkar arahan ini hukuman untuk ditelanjangi akan dilaksanakan. Fasal ini turut menyentuh larangan memakai hulu keris merumbai kecuali dengan anugerah. Jika tidak patuh pada arahan ini, keris tersebut akan dirampas. Demikian syarat yang ditetapkan oleh raja tentang

³ *Ibid.*

⁴ W.G. Shellabear(ed.), *Sejarah Melayu(edisi jawi)*, Singapura : Malay Publishing, House Limited, 1896,hlm., 202.

perkara yang melambangkan kebesarannya dan amat dilarang untuk rakyat biasa menggunakannya.

Manakala dalam fasal yang kedua pula menyatakan tentang larangan menggunakan lima patah perkataan ataupun juga dikenali hukum bahasa segala raja – raja. Perkataan tersebut adalah ‘titah’, ‘patik’, ‘murka’, ‘kurnia’, ‘anugerah’. Kesemua perkataan ini dilarang untuk digunakan oleh rakyat jika tidak akan dijatuhi hukuman bunuh.⁵ Hal ini disebabkan bahasa tersebut adalah dituju khas buat golongan raja walaupun seseorang rakyat biasa mendapat anugerah dari Raja namun tetap tidak layak untuk menggunakan bahasa tersebut. Berikutnya dalam fasal yang ketiga pula menyatakan tentang hukum jika raja mangkat. Penghormatan terakhir kepada raja yang mangkat amat perlu seperti orang-orang besar dilarang berpayung, juga menghembur derma kecuali dengan nama kurnia. Sekiranya melanggar arahan ini maka akan dirampas segala barang larangan tersebut. Begitu juga keadaannya jika menggunakan bantal, sapu tangan dan alas bewarna kuning. Kesemuanya telah ditetapkan terutama pakaian yang sesuai dipakai untuk menghadiri majlis kemangkatan lantas bagi yang tidak patuh akan dimurkai raja.⁶ Di dalam fasal yang ke 10, hal berkaitan biduanda atau hamba raja dinyatakan dengan terang bahawa setiap pergerakannya haruslah dinyatakan kepada tuannya jika tidak akan dihukum bunuh. Begitu juga jika seorang hamba yang membawa barang keluar tanpa pengetahuan tuannya maka perlu diganti jika tidak akan dijatuhi hukuman mati juga.

Seterusnya di dalam Hukum Kanun Pahang ini juga menyatakan tentang tugas Penghulu Bendahari. Segala surat tentang daftar hamba dibawah tugasnya. Selain itu, segala hasil yang masuk ke dalam negeri dan sebarang pekerjaan di dalam istana dibawah tanggungjawab Penghulu Bendahari. Manakala Temenggong pula diberikan tugas untuk menguruskan hal ehwal dalam negeri sebagai contoh urustadbir kota, perparitan dan lain-lain yang berkaitan dengan hal ehwal negeri. Temenggong sebenarnya haruslah mengamalkan tujuh perkara penting iaitu pertamanya menjadi seorang penjurit dengan memelihara dirinya. Keduanya perlu untuk sentiasa berwaspada sentiasa kerana beliau diberikan tanggungjawab yang besar dalam mengawal hal ehwal negeri.⁷ Ketiganya harus menajamkan pendengaran dan penglihatan agar segala masalah dalam negeri dapat diatasi. Keempat haruslah Temenggong bertindak menjalankan tugasnya bersungguh-sungguh kerana itu adalah amanat dari Raja. Kelima Temenggong juga haruslah mencari seorang pembantunya untuk menguruskan pekerjaannya yang amat sukar tersebut. Keenam Temenggong harus mempunyai sifat penyabar kerana beliau adalah orang yang paling dekat dengan rakyat, lantas segala ketidakpuasan hati rakyat kepada raja akan sampai kepadanya untuk diselesaikan. Ketujuh, beliau juga perlu untuk menanamkan sifat sepakat dalam memastikan segala tugasnya dapat berjalan lancar.⁸

⁵ Yaakub Isa, 2003, *Hukum Kanun Pahang*, Pekan : Lembaga Muzium Negeri Pahang, hlm., 107.

⁶ *Ibid.*

⁷ *Ibid.*, hlm.,106

⁸ *Ibid.*

Berikutnya diwujudkan juga oleh raja jawatan hulubalang sebagai penyandang segala urusan rakyat serta tanggungjawab tentang urusan perkerjaan di bandar. Hulubalang juga amat penting dalam urusan perdagangan. Segala urusan di kuala atau pelabuhan diketuai oleh hulubalang dengan memeriksa semua perahu yang datang berdagang. Seorang hulubalang juga perlu untuk memenuhi empat syarat yang ditetapkan oleh raja iaitu Pertamanya perlulah mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, keduanya mengamalkan segala kelakuan yang baik untuk dijadikan contoh kepada rakyat dan pedagang luar. Ketiga hulubalang haruslah seorang yang pemurah dan menjaga hal ehwal berkaitan pegawai. Terakhirnya beliau perlu untuk bersedia dalam menyediakan strategi perang dan kemahiran rakyat bersenjata bagi menghadapi musuh. Selain itu, hulubalang juga berperanan umpama tabib yang menjadi tempat mengadu jika menghadapi masalah kesihatan.⁹

Syahbandar antara jawatan yang diwujudkan juga untuk membantu melancarkan perjalanan pentadbiran di Pahang. Lantas beberapa syarat perlu dipenuhi seperti pertamanya hendaklah menjalinkan hubungan yang akrab dengan penghulu bendahari kerana pelbagai urusan akan diuruskan antara mereka berdua seperti menguruskan urusan kira-kira di pelabuhan. Keduanya syahbandar berperanan untuk menguruskan segala hal keluar dan masuk perdagangan.¹⁰ Seterusnya sekiranya terdapat sebarang masalah ketika berdagang haruslah diadakan kepada Raja dengan segera. Malahan sudah menjadi tanggungjawab Syahbandar juga untuk menyelidik keadaan semasa tentang keamanan atau bencana dari negara jiran agar tidak merebak hingga ke Pahang. Terakhir tugasnya adalah menyediakan segala kelengkapan bagi pedagang yang datang ke pelabuhan agar segalanya berjalan lancar.¹¹

Hamba raja juga adalah satu lagi jawatan penting bagi melindungi raja. Justeru itu, terdapat enam syarat yang perlu dipatuhi untuk melancarkan perjalanan tugasnya Terutamanya dari segi keselamatan raja tersebut. Pertamanya hamba raja harus menjadi orang yang pertama akan menyampaikan berita tentang ketidakpuasan hati rakyat terhadap raja ataupun sebarang masalah yang menimpa rakyat agar dapat diambil tindakan segera oleh raja. Sekiranya hamba raja tidak melaporkan dengan segera dan diketahui oleh raja dari orang lain maka raja akan dukacita. Keduanya hamba raja juga harus mempunyai budi perkerti yang baik dengan menghindari sifat dengki terutama apabila menjadi perantaraan antara rakyat jelata dan raja. Ketiganya hamba raja haruslah menjadi seorang yang berani untuk menghadap raja samaada akan dimurkai atau tidak. Manakala yang keempat pula, hamba raja perlu bersifat rendah diri dan elakkan riak kerana raja akan menilai budi setiap hamba raja tersebut. Terakhir hamba raja sebagai orang kepercayaan raja haruslah menjaga rahsia raja kerana ia merupakan amanat penting dari tuanya.

⁹ *Ibid.*, hlm., 118.

¹⁰ Yaakub Isa, 2003, *Hukum Kanun Pahang*, Pekan : Lembaga Muzium Negeri Pahang, hlm., 120. Tugas ini amat penting kerana perdagangan adalah sumber kewangan Negara paling besar ketika itu. Baiknya perjalanan perdagangan akan meramaikan dan memakmurkan lagi Bandar tersebut.

¹¹ Yaakub Isa, 2003, *Hukum Kanun Pahang*, Pekan : Lembaga Muzium Negeri Pahang, hlm., 120.

Perkara yang tidak kurang pentingnya juga adalah hukuman yang dikenakan akibat derhaka terhadap Raja. Mereka bukan terus dibunuh tetapi disiksa sepanjang hayat dengan penderaan yang tiada bandingannya.¹² Urat–urat di seluruh tubuh penderhaka akan membengkak, menghitam, berpintal–pintal, putus – putus dan akhirnya pecah- pecah akibat 360 jenis seksaan yang diberikan. Selain itu penderhaka akan disiksa lagi dengan 148 jenis seksaan penuh azab sehingga akan memulas, membelit, dan mematahkan seluruh tulang–temulang yang ada di badan.¹³ Jika mati pula, mayatnya akan dibelah empat dengan parang atau kapak, diserat merentasi desa, lalu dilontar ke tempat buangan. Seterusnya namanya akan menjadi busuk sehingga beberapa keturunan. Malahan segala harta benda akan dirampas dan anak isteri akan dijadikan hamba raja. Begitu juga semua anak buah, saudara mara dan sahabat handai yang dituduh bersubahat dengannya akan turut menerima nasib malang yang sama. Semuanya akan disumbat ke dalam penjara yang penuh penyeksaan, menanggung azab seksaan putus urat dan patah tulang yang tiada perperikan sakitnya.

ANALISIS PENGARUH HUKUM KANUN PAHANG TERHADAP RAJA DAN PEMERINTAHANNYA

Kepercayaan dan sistem pemerintahan pada zaman pengaruh Hindu–Buddha telah bertukar kepada konsep dan sistem Sultan dalam Islam walaupun tidak secara keseluruhan.¹⁴ Sultan sebagai ketua negara yang menjalankan undang–undang dalam keadilan, menjaga dan melindungi hak–hak serta kepentingan rakyat.¹⁵ Sultan menjadi ketua agama dan adat yang bertanggungjawab menjaga keutuhan agama dan kehormatan adat. Bagi sultan di Pahang, Hukum Kanun Pahang telah digunakan semasa pemerintahan Sultan Abd Ghafur Muhiyuddin Shah (1592 -1614). Undang – undang ini merupakan lanjutan daripada Hukum Kanun Melaka dan yang membezakannya cuma jumlah fasal.¹⁶ Undang–undang ini telah dijadikan perlembagaan negeri sejak pemerintahan sultan tersebut. Dapat dikenalpasti bahawa daripada 68 fasal semuanya 42 fasal adalah daripada undang– undang fiqh mazhab Shafie. Justeru itu jelas bahawa agama Islam telah dijadikan agama rasmi di negeri itu.¹⁷ Berdasarkan kukuhnya agama Islam tersebut maka tidak dapat lagi disangkal bahawa pengaruh Sultan amat besar dalam hukum kanun ini sebagai ketua dalam

¹²Jelani Harun, *Undang – undang Kesultanan Melayu dalam perbandingan*, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm., 53.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Syed Muhammad Naguib Al – Attas, *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972, hlm., 13.

¹⁵ Adbul Jalil bin Borhan, *Legasi Islam di Pahang wadah transformasi jati diri umat gemilang dalam Syarahan Umum Profesor*, Dewan Astaka : Universiti Malaysia Pahang, 2014, hlm.19.

¹⁶ Mahmud Saedon Awang Othman, *Islamic Law and Its Codification dalam IIUM Law Journal*, 1:1 ,hlm., 73 – 75, 1989. Jumlah Hukum Kanun Melaka adalah 44 fasal manakala Hukum Kanun Pahang mengandungi 93 fasal.

¹⁷ Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara : Khususnya di Tanah Melayu*, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, 1992, hlm., 41.

kerajaan. Mukadimah Hukum Kanun Pahang menyatakan bahawa sistem kerajaan Kesultanan Pahang adalah untuk :

*“Menjaga manfaat terhadap negeri agar sultan – sultan boleh memelihara segala rakyat dan pada masa yang sama, sultan mengadakan pembesar untuk menggantikan baginda dan tidak menyulitkan baginda”.*¹⁸

Sultan merupakan punca kuasa yang dibantu oleh Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari, Shahbandar, Hulubalang juga hamba raja. Hukum Kanun Pahang ini telah memperincikan perbuatan yang diharamkan dalam kerajaan ini, termasuklah sikap tidak hormat terhadap kedudukan Sultan. Sultan semasa zaman kesultanan Melayu dianggap sebagai manusia yang mulia, para sultan dianggap mempunyai “daulat” dan tidak boleh diganggu gugat. Walaubagaimanapun konsep ini dikaitkan pula dengan konsep “derhaka”.¹⁹ Perbandingan hukuman orang yang derhaka kepada sultan boleh dilihat antara Hukum Kanun Pahang juga Hukum Kanun Melaka.

Dapat difahami bahawa derhaka dalam undang–undang Melaka boleh terjadi dalam beberapa bentuk. Antaranya perbuatan menderhaka ialah membunuh orang yang membawa titah raja,²⁰ menyangkal titah raja,²¹ bermaharalela dan cuba menentang perbuatan raja. Akibatnya penderhaka akan ditimpa mudarat dalam dua bentuk iaitu mudarat dalam bentuk hukuman fizikal oleh pihak berkuasa atau akan ditimpa “tulah” atau daulat raja. Hukuman fizikal yang bakal diterima bukan sahaja akan dikenakan keatas diri pesalah namun seluruh kaum keluarganya akan menerima nasib yang sama bagi mengelakkan daripada ada waris atau zuriatnya kemudian hari yang akan menuntut bela.²² Si pesalah biasanya akan menerima hukuman sula dan ahli keluarganya dibunuh. Sekiranya tidak dibunuh lambat laun akan ditimpa “tulah” atau merana sepanjang hidup.

Amat berbeza dengan Hukum Kanun Pahang yang mana mereka bukan terus dibunuh tetapi diseksa sepanjang hayat dengan penderaan yang tiada bandingannya.²³ Urat–urat di seluruh tubuh penderhaka akan membengkak, menghitam, berpintal–pintal, putus–putus dan akhirnya pecah–pecah akibat 360 jenis seksaan yang diberikan. Selain itu penderhaka akan diseksa lagi dengan 148 jenis seksaan penuh azab sehingga akan memulas, membelit, dan mematahkan

¹⁸ Abdul Jalil bin Borhan, *Legasi Islam di Pahang wadah transformasi jati diri umat gemilang dalam Syarahan Umum Profesor*, Dewan Astaka : Universiti Malaysia Pahang, 2014, hlm., 18.

¹⁹ Liaw Yock Fang, *Undang – undang Melaka (the laws of Melaka)*, Netherlands : The Hague – Martinus Nijhoff, 1976, hlm., 70. Derhaka bermaksud orang yang engkar kepada titah perintah raja.

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*, hlm., 68 -69.

²² Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm., 153 -154.

²³ Jelani harun, *Undang–undang Kesultanan Melayu dalam perbandingan*, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm., 53.

seluruh tulang–temulang yang ada di badan.²⁴ Jika mati pula, mayatnya akan dibelah empat dengan parang atau kapak, diserat merentasi desa, lalu dilontar ke tempat buangan. Seterusnya namanya akan menjadi busuk sehingga beberapa keturunan. Malahan segala harta benda akan dirampas dan anak isteri akan dijadikan hamba raja. Begitu juga semua anak buah, saudara mara dan sahabat handai yang dituduh bersubahat dengannya akan turut menerima nasib malang yang sama. Semuanya akan disumbat ke dalam penjara yang penuh penyeksaan, menanggung azab seksaan putus urat dan patah tulang yg tiada perperikan sakitnya. Didapati jelas kelihatan undang-undang ini tidak berperikemanusiaan dan luar batas hidup manusia. Walaubagaimanapun sebenarnya undang–undang ini sengaja dicipta supaya kelihatan amat kejam untuk menakutkan rakyat tentang keperitan dan kesengsaraan sehingga ke saat kematian sekiranya dikenakan hukuman ini. Oleh yang demikian jelas wujud perbezaan dari segi hukuman yang dilakukan raja ketika Kesultanan Melaka dan Pahang.

Dari sudut pembuktian bahawa Hukum Kanun Pahang ini adalah warisan Hukum Kanun Melaka pula adalah apabila melihat tugas– tugas pembesar seperti Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggong, Laksamana, dan Syahbandar jelas wujud persamaan. Keserasian dalam tugas setiap pembesar tersebut ada kaitannya dengan peranan perdagangan dan pelabuhan yang maju ketika zaman itu. Selain Hukum Kanun Pahang hampir kesemua hukum kanun dari negeri lain turut berasal dari Hukum Kanun Melaka. Mengikuti Dr. Van Ronkel, dalam bukunya, antara teks yang penting dalam sejarah pengkanunan hukum islam ialah Hukum Kanun Melaka.²⁵ Oleh kerana Hukum Kanun Melaka adalah undang–undang induk yang meliputi undang–undang lain di dalam negeri–negeri melayu, amatlah tepat jika ianya dijadikan contoh tentang wujudnya pengaruh Islam dalam perundangan. Menurut beberapa orang sarjana barat seperti William R. Roff, Hukum Kanun Melaka atau undang–undang Melaka pada dasarnya berasaskan undang –undang Islam di samping berpegang kepada hukum akal dan hukum adat.²⁶ Lantas akhirnya, tidak dapat dinafikan terdapat sedikit perubahan struktur undang–undang mereka yang disesuaikan dengan keadaan semasa setiap Kesultanan selepas Kesultanan Melayu Melaka .

KESIMPULAN

Hukum Kanun Pahang ini didapati berkembang kesan konsep “daulat” ataupun dipercayai oleh rakyat akan keistimewaan, kehebatan, kerohanian luar biasa seorang Raja maka rakyat menjadi patuh dan taat kepada segala suruhan dan hukum undang – undang yang telah dilaksanakan. Dengan kemurnian tersebut keadaan negeri menjadi aman dan makmur, perdagangan berkembang pesat, tanaman hidup

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Abdul Kadir Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm., 10.

²⁶ Abdul Jalil bin Borhan, *Legasi Islam di Pahang wadah transformasi jati diri umat gemilang dalam Syarahan Umum Profesor*, Dewan Astaka: Universiti Malaysia Pahang, 2014, hlm., 18.

subur juga rakyat bertambah ramai lantas raja dianggap berjaya dalam merealisasikan Hukum Kanun Pahang tersebut. Justeru itu rakyat mestilah menjalankan titah perintah sultan dan sesiapa yang menentang dianggap derhaka. Natijahnya kedatangan Islam dengan berwakilkan Sultan sebagai ketua negara berjaya mengubah watak dan sifat raja kepada sifat yang lebih positif.

RUJUKAN

- Abdul Jalil bin Borhan. (2004). *Legasi Islam di Pahang wadah transformasi jati diri umat gemilang dalam Syarahan Umum Profesor*. Dewan Astaka: Universiti Malaysia Pahang.
- Abdul Kadir Haji Muhammad. (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Ishak. (1992). *Islam di Nusantara : Khususnya di Tanah Melayu*. Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam.
- Jelani Harun. (2008). *Undang – undang Kesultanan Melayu dalam perbandingan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Liaw Yock Fang. (1976). *Undang–undang Melaka (the laws of Melaka)*. Netherlands: The Hague–Martinus Nijhoff.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (1989). *Islamic Law and Its Codification*. *IIUM Law Journal*, 1:1.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shellabear W.G. (ed.). (1896). *Sejarah Melayu (edisi jawi)*. Singapura: Malay Publishing, House Limited.
- Syed Muhammad Naguib Al–Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yaakub Isa. (2003). *Hukum Kanun Pahang*. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.